

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 11/12/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Empat Individu Terima Anugerah Bidang Kimia.

Empat individu terima anugerah bidang Kimia

KUCHING: Seramai empat individu menerima anugerah kecemerlangan dalam bidang Kimia daripada Institut Kimia Malaysia (IKM), kelmarin.

Mendahului senarai penerima, Dr Tay Soon Hiang daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya membawa pulang RM500 dengan tesis bertajuk 'Pembangunan Bahan Berasaskan Kanji Berstrukturkan Nano Daripada Kanji Sagu Asli'.

Manakala Siti Nur Akmar Mohd Yazid (UNIMAS) menerima RM400 untuk tesis bertajuk 'Sintesis dan Pencirian Nanodots Karbon dan Partikel Nano Kanji'.

"Anugerah Kimia adalah salah satu aktiviti tahunan IKM di mana anak-anak ahli IKM diberi anugerah atas pencapaian akademik atau sesiapa yang cemerlang dalam kimia," kata Pengurus IKM Sarawak Dr Alvin Chai Lian Kuet.

Dr Chai hadir menyampaikan anugerah kepada penerima yang turut merangkumi Suzie Kuan Hui Chin (UNIMAS) yang memperolehi Gred Purata 3.86 dan mendapat A dalam projek tahun terakhir dalam kimia bukan organik bagi Ijazah Sarjana Muda Sains.

Laura Chai Min Xuan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Maong yang mendapat 6A+, 2A, 1A- dan 1B+ dalam Sijil Penilaian Malaysia (SPM) turut menerima anugerah pada malam tersebut.

Kuan dan Chai masing-masing menerima RM300 dan RM200.

Sementara itu, Dr Chai berkata IKM merupakan pertubuhan berkanun profesional yang diperbadankan di bawah Akta Ahli Kimia 1975 di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Disediakan oleh Lau Yat Ling
Unit Komunikasi Korporat